

07/10/1998

Polis tidak izin Perhimpunan Perdana

Abdul Karim Mustafa; Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Selasa - Polis menolak permohonan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) untuk mengadakan Perhimpunan Perdana di Stadium Nasional, Bukit Jalil, Sabtu ini, atas sebab keselamatan.

Keputusan itu dibuat Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Bakri Zinin, selepas mengambil kira semua aspek termasuk kesan keselamatan sekiranya perhimpunan itu diadakan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamarudin Md Ali, ketika dihubungi di sini malam ini, mengesahkan sudah dimaklumkan mengenai keputusan itu.

"Bakri memberitahu saya mengenai keputusan itu, petang ini. Dengan keputusan berkenaan, orang ramai yang mendapat jemputan atau sekadar mahu ke stadium berkenaan Sabtu ini, dinasihat supaya membatalkannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru mengenai permohonan Pemuda BN untuk mengadakan perhimpunan itu yang dijangka dihadiri lebih 100,000 orang.

Perhimpunan itu dirancang bagi menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai permohonan Majlis Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) untuk mengadakan perhimpunan di stadium yang sama pada 17 Oktober ini, beliau berkata, permohonan itu masih diteliti kerana polis baru menerimanya, tengah hari ini.

"Kita akan mempertimbangkan permohonan berkenaan mengikut prosedur biasa dan setakat ini belum ada keputusan dibuat," katanya.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan risalah atau khabar angin mengenai rancangan pihak tertentu mengadakan perhimpunan di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja, Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya atau mana-mana tempat di ibu negara Sabtu ini.

Menurutnya, polis tidak pernah mengeluarkan permit untuk mengadakan perhimpunan berkenaan.

Beliau berkata, tindakan polis akan diambil terhadap peserta atau penganjur perhimpunan haram mengikut peruntukan Akta Polis 1967.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, pula berkata mengikut Akta Polis, ketua polis daerah di kawasan berkenaan mempunyai kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan mengadakan perhimpunan seperti itu.

"Ketua polis daerah mesti mengambil pertimbangan keadaan keselamatan dan ketenteraman awam sebelum meluluskan permohonan itu," katanya kepada pemberita di Balai Polis Puchong di Petaling Jaya, hari ini.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Gerak, Mahfuz Omar, berkata permohonan Gerak dikemukakan kepada seorang pegawai Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Cheras, kira-kira jam 1 tengah hari ini.

(END)